

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap kesiapsagaan tren-tren ETS, Komuter, KTM, LRT, MRT3, dan monorel dengan pecahan terperinci mengikut jenis kerosakan dan kos pembaikan, contohnya tingkap komuter menakung air.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Prasarana dan KTMB sangat menitikberatkan tahap kesiapsagaan tren supaya berada di tahap yang optimum bagi memastikan perkhidmatan kereta api adalah selamat dan selesa untuk kegunaan penumpang bagi tren-tren kendaliannya.
2. Selain memastikan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dilaksanakan seperti yang ditetapkan oleh pihak pengilang asal (OEM) tren dan juga sistem-sistem berkaitan, Prasarana selaku pemilik aset LRT di Lembah Klang bersama dengan Rapid Rail sebagai pengendali, telah merancang dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk membaik pulih serta menambah kebolehpercayaan tren demi mengurangkan kerosakan dan gangguan perkhidmatan semasa operasi.
3. Contohnya, LRT Laluan Ampang di mana kerja-kerja *overhaul* bagi semua komponen tren yang melibatkan 50 unit tren sedang dijalankan bermula April 2022 dan dijangka siap pada Disember 2027 dengan anggaran kos sebanyak RM 190.4 juta.
4. Bagi LRT Laluan Kelana Jaya, terdapat beberapa inisiatif sedang dilaksanakan seperti pemeriksaan dan penggantian *tachometer*, kabel dan antena yang tidak berfungsi dengan baik (RM8.4 juta), pemeriksaan dan pembetulan terhadap trak (*boogie*) untuk tren jenis 818 (RM2.5 juta), dan pengubahsuaian, baik pulih dan menaik taraf sub-sistem tren termasuk menggantikan sub-sistem yang telah usang (RM950 juta).
5. Bagi KL Monorel, program menyiapkan 2 unit tren dan membaiki 1 unit tren di dalam peringkat penyediaan dokumen perolehan dan dijangka siap pada Mac 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM 7.4 juta dan MRT Laluan Kajang pula, kerja membaik pulih dan menaik taraf sub-sistem tren termasuk menggantikan sub-sistem yang telah usang bernilai RM36.7 juta.

NO. SOALAN: 44

6. Manakala, bagi tren-tren ETS, KTM Komuter dan Antarabandar yang dikendalikan oleh KTMB, penyelenggaraan tren-tren ini dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam Manual Penyelenggaraan dan Prosedur Operasi Standard dalaman KTMB. Jumlah kos pembaikan stokereta yang terdiri daripada *ETS*, *SCS*, *TCS* dan *DMU* bagi tahun 2021 adalah RM3.7 juta, 2022 sebanyak 2.9 juta dan 2023 (sehingga bulan September) adalah RM7.5 juta.

Sekian, terima kasih.